

# **SEJARAH PERKEMBANGAN TAFSIR PADA ZAMAN RASULULLAH SAW, SAHABAT DAN TABIIN**

**Nur Zainatul Nadra binti Zainol<sup>1</sup>, Latifah binti Abdul Majid<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
*nadra@uthm.edu.my*

<sup>2</sup>Universiti Kebangsaan Malaysia  
*umlm@yahoo.uk*

## **ABSTRAK**

Al-Quran merupakan kalam Allah SWT yang telah diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Jibril AS. Kemunculan ilmu tafsir adalah belatarbelakangkan kedudukan al-Quran sebagai sumber rujukan utama syariat Islam. Kepentingan mempelajari ilmu tafsir adalah al-Quran sangat tinggi bahasanya sehingga kita sukar memahaminya, justeru memerlukan pentafsiran daripada Rasulullah saw, sahabat, tabiin dan ulama. Ilmu ini juga untuk memahami makna-makna al-Quran dengan lebih sempurna dan tepat dan dapat mengambil dan mengeluarkan hukum yang terkandung di dalamnya. Seterusnya dapat mengelakkan seseorang dari memahami ayat dengan cara yang salah atau menyeleweng dari maksud yang sebenar. Artikel ini bertujuan untuk menjelaskan sejarah perkembangan tafsir pada tiga zaman awal iaitu zaman Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Hasil kajian menunjukkan tafsir telah berlaku perkembangan yang pesat pada zaman tabiin dan mempunyai kecenderungan riwayat Israilliyyat.

**Kata kunci:** Ilmu al-Quran, tafsir, sejarah al-Quran

## **ABSTRACT**

Al-Quran is the word of Allah was revealed to the Prophet Muhammad through Jibril AS. Appearances ‘ilmu Tafsir’ is the position of al-Quran as the primary source of Islamic law. The importance of studying the interpretation of the Quran is very high so it is difficult to understand the language, thus requiring the interpretation of Rasulullah saw, sahabat, tabiin and ulama. This knowledge also to understand the meanings of the Quran with more complete and accurate and can be picked up and passed a law contained therein. Thus, preventing a person from understanding the sentence the wrong way or deviate from its true meaning. This article aims to explain the history of the interpretation on the three days of the beginning of the time of the Rasulullah saw, sahabat and tabiin. The results showed that the interpretation of the rapid development has occurred in the day’s tabiin and have a tendency israilliyyat history.

**Keywords:** *Science Quran, tafsir, history of the Quran*

## **1. PENGENALAN**

Al-Quran merupakan mukjizat yang dianugerahi Allah SWT kepada para rasulnya sebagai bukti bahawa mereka adalah benar-benar utusan daripada Allah SWT (Fadl Hassan al-‘Abbas 2001: 21). Kemunculan tafsir Al-Quran dilatarbelakangi oleh kedudukan al-Quran yang merupakan *hudan li an-nas*, al-Quran tidak mengemukakan pelbagai hal secara jelas, sebahagian besar ayat al-Quran mengemukakan perkara pokok sahaja. Selain itu, terdapat pula landasan yang mendorong munculnya tafsir Al-Quran, iaitu tidak mungkin suatu aturan atau hukum yang terdapat di dalam al-Quran dapat diterapkan tanpa adanya pemahaman atasnya.

Ketika Muhammad SAW masih hidup, para sahabat dapat bertanya secara langsung pelbagai persoalan yang tidak jelas atau tidak difahami kepada beliau. Namun, setelah beliau wafat para sahabat kehilangan seorang yang menjadi penunjuk jalan kebenaran, tetapi kemudian mereka terpaksa melakukan ijtihad. Di antara para sahabat Nabi SAW yang banyak melakukan penafsiran atas al-Quran diantaranya Ali bin Abi Thalib, Abdullah bin Abbas, dan Zaid bin Tsabit (Syurbasyi, 1999: 91). Dari beberapa sahabat Nabi SAW tersebut, ada yang menafsirkan dengan menggunakan bantuan syair-syair Arab pra-Islam dan ada pula yang bertanyakan kepada *Ahlul Kitab* yang telah memeluk agama Islam mengenai perkhabaran dan cerita yang terdapat di dalam al-Quran. Pencarian penjelasan Al-Quran dengan menggunakan keterangan dari *Ahlul Kitab* inilah yang menjadi akar-akar munculnya *Israiliyat* dan *Nashraliyat*.

Setelah zaman sahabat Nabi SAW kemudian perkembangan tafsir al-Quran dilanjutkan pada zaman tabiin. Para tabiin ini lahir atas bimbingan dari sekolah-sekolah atau madrasah-madrasah para sahabat Nabi SAW di tempat mereka tinggal iaitu Kufah, Makkah, dan Madinah (Shihab, 1996: 71). Namun, tafsir yang dihasilkan pada zaman tabiin ini memiliki kecenderungan pada *israiliyat*, *nasraliyat*, dan memiliki kecenderungan pada aliran tertentu (Syafrudin, t.th: 36). Oleh itu, ulama menyatakan bahawa pendapat tabiin hanya dapat diterima atau digunakan jika mereka berijma' atas suatu hal.

## **2. TAFSIR PADA ZAMAN RASULULLAH SAW**

Muhammad SAW merupakan pentafsir awal bagi ayat-ayat al-Quran yang tidak difaham oleh para sahabat. Hal ini berlaku ketika para sahabat bertanyakannya tentang pelbagai persoalan yang tidak difahami oleh mereka. Namun, keseluruhan tafsir ayat-ayat Al-Quran yang diberikan Muhammad s.a.w. tersebut tidak sampai pada umat Islam hingga masa kini. Oleh itu, terdapat sebahagian ulama yang mengatakan bahawa riwayat-riwayat tentang tafsir Muhammad SAW itu tidak sampai pada umat Islam, dan sebahagian pendapat lainnya menganggap bahawa Muhammad SAW sendiri tidak mentafsirkan seluruh ayat Al-Quran.

Salah satu tafsir Al-Quran yang diberikan oleh Muhammad SAW ialah berkenaan pertanyaan seorang sahabat Nabi SAW yang menanyakan kepada baginda mengenai solat *wustha* yang terkandung dalam surah al-Baqarah ayat 238. Di dalam ayat itu tidak dinyatakan secara jelas mengenai yang dimaksud solat *wustha*. Menurut riwayat Tirmidzi, Muhammad SAW menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan solat *wustha* adalah solat Asar.

Rasulullah SAW adalah pengasas kepada tafsir al-Quran kerana baginda berperanan menjelaskan ayat-ayat yang tidak difahami. Ia berdasarkan kepada Firman Allah:

*“dan kami turunkan kepadamu Al Quran, agar kamu menerangkan pada umat manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka<sup>1</sup> dan supaya mereka memikirkan”.*

Firman Allah:

*“Dan kami tidak menurunkan kepadamu Al-Kitab (Al Quran) ini, melainkan agar kamu dapat menjelaskan kepada mereka apa yang mereka perselisihkan itu dan menjadi petunjuk dan rahmat bagi kaum yang beriman”.*

Nabi S.A.W telah menerangkan kepada para sahabat baginda makna-makna al-Quran sebagaimana baginda menjelaskan kepada mereka lafaz-lafaznya.

### 3. PERKEMBANGAN TAFSIR PADA ZAMAN SAHABAT

Setelah Rasulullah S.A.W. wafat, tugas mentafsir al-Quran dipikul oleh sahabat. Mereka merupakan golongan yang paling arif tentang tafsir selepas kewafatan rasul SAW tetapi pentafsiran mereka tidak sama. Berikut adalah sepuluh orang sahabat yang terkenal dalam bidang tafsir iaitu Khulafa al-Rasyidun, Ibn Masud, Ibn Abbas, Ubayy bin Kaab, Zaid bin Thabit, Abu Musa al-Asyari dan Abdullah bin al-Zubayr.

Diantara sebab tafsir kurang pada zaman sahabat:

- (a) Mereka mentafsirkan al-Quran mengikut suasana dan peristiwa
- (b) Tahap penguasaan bahasa yang tinggi
- (c) Kefahaman akidah yang mantap

Nilai Tafsir Zaman Sahabat:

- (a) Tafsir sahabat bersumberkan hadith marfu dari rasulullah SAW
- (b) Apabila tidak di dapat daripada rasulullah SAW sahabat akan berijtihad dan bertaraf hadith mauquf yang boleh diterima dan ditolak
- (c) Perbezaan pendapat di kalangan sahabat tentang tafsir sangat sedikit berbanding perbezaan dalam soal hukum-hakam. Kebanyakan perselisihan merupakan perbezaan keanekaragaman dan pertikaian yang membawa padah.(Usul al-Tafsir:hal.5)

Contoh:

Firman Allah swt:

أَهْدِنَا لِصِرَاطَ الْمُسْتَقِيمِ  
“Tunjukilah kami jalan yang lurus”

---

<sup>1</sup> Iakni: perintah-perintah, larangan-larangan, aturan dan lain-lain yang terdapat dalam al-Quran.

Terdapat beberapa tafsiran *al-Sirat* dalam ayat ini:

**i. Pandangan pertama:**

Ia adalah al-Quran atau mengikutinya berdasarkan sabda Rasul SAW yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidhi bahawa ia adalah agama Allah yang kuat, peringatan yang berhikmah dan jalan lurus.

**ii. Pandangan kedua:**

Islam berdasarkan sabda Rasul SAW dalam hadith al-Nawas bin Sam'an yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidhi: Dan Allah memberi satu perumpamaan: Jalan lurus. Di kiri kanan jalan ada dua pagar. Pada kedua-dua pagar itu ada pintu-pintu terbuka. Pada pintu itu ada garis-garis kosong. Ada seorang penyeru yang menyeru di atas jalan. Dan seorang penyeru yang menyeru di tengah jalan. Maka dikatakan jalan lurus adalah Islam, kedua-dua pagar adalah hudud(batasan-batasan Allah); pintu yang terbuka adalah larangan-larangan Allah; penyeru di tengah jalan adalah kitabullah, penyeru di atas jalan adalah nasihat Allah kepada hati setiap orang mukmin."

**iii. Pandangan ketiga:**

Jalan lurus adalah Rasulullah SAW

**iv. Pandangan keempat:**

Ahli sunnah wal Jamaah

**v. Pandangan kelima:**

Jalan ubudiyyah (ibadah kepada Allah)

**vi. Pandangan keenam:**

Perkataan orang yang berkata: Taat kepada Allah dan rasul-Nya. Dan lain-lain yang mana semua pandangan ini adalah tafsiran kepada *al-Sirat* dan menunjukkan kepada satu nama yang sama dan perbezaan adalah mereka menyifatinya dengan sifat-sifat yang berbeza yang dikandung oleh nama itu (Ibn Taymiyyah: 10-11).

Ciri-ciri tafsir al-quran di zaman Sahabat RA:

- i. Tafsir pada zaman sahabat hanya mengulas ayat-ayat secara umum tidak secara terperinci
- ii. Para sahabat tidak mengeluarkan sebarang hukum daripada maksud ayat.
- iii. Tafsir-tafsir dan huraian mereka terhadap sesuatu ayat tidak ditulis dan dibukukan. Apa yang ditulis hanyalah al-Quran dan al-Hadith sahaja.
- iv. Pentafsiran sahabat adalah bergantung kepada asbab al-nuzul (Sebab turun sesuatu ayat)
- v. Periwayatan sahabat daripada ahli kitab. Ia terbahagi kepada dua pandangan.

**Pandangan pertama:** Sahabat sangat jarang menyebut riwayat ahli kitab jika dibandingkan dengan tabiin. Ia merupakan pandangan Ibnu Taymiyyah dalam *Usul al-Tafsir* dan Dr. Nur al-Din Itir professor al-Quran dan al-hadith di Universiti Damsyik. Menurut Dr Nur al-Din al-Itr pengaruh ahli kitab bermula pada zaman sahabat. Namun para sahabat tidak berminat untuk mengetahui riwayat-riwayat ahli kitab secara terperinci. Mereka tidak bertanya semua perkara daripada ahli kitab dan mereka tidak menerima kesemuanya berdasarkan pesanan nabi SAW seperti yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

لَا تُصِدِّقُوا أَهْلَ الْكِتَابِ وَلَا تَكَذِّبُوهُمْ وَقُولُوا أَمْنًا بِاللهِ

*“Janganlah kamu benarkan dan kamu dustakan mereka dan katakanlah kami beriman kepada Allah”*

**Pandangan kedua:** Ahli kitab bukan sumber tafsir sahabat. Pandangan ini merupakan pandangan Profesor Dr. Fadal Hassan Abbas. Menurutnya sumber tafsir di kalangan sahabat terdiri daripada al-Quran, al-Sunnah, bahasa Arab, asbab al-Nuzul dan pemerhatian yang tajam. Ahli kitab tidak menjadi sumber periyawatan sahabat seperti pandangan beberapa pengkaji. Hal ini berpunca dari ketegasan Rasul SAW supaya sahabat member perhatian kepada al-Quran. Kenyataan yang menyatakan sahabat meriwayatkan dari ahli kitab dalam tafsir tertolak dengan beberapa dalil:

- 1) Diriwayatkan oleh Imam Abu Daud, al-Hakim dan al-Baihaqi suatu ketika nabi SAW masuk ke masjid dan baginda mendapati mereka sedang berkumpul mendengar ucapan seorang lelaki lantas baginda bertanya:

“Apa ini?. Mereka menjawab: Beliau sedang menerangkan tentang keturunan Arab. Baginda bersabda: *“Ini ilmu yang tidak bermanfaat. Sekiranya tidak diketahui tidak memudaratkan. Kemudian baginda berkata: Ilmu pada tiga perkara: Ayat yang muhkamat(terang hukumnya), fardu yang dilaksanakan dan sunnah yang diikuti. Sekiranya ilmu berkaitan keturunan pun dikatakan oleh nabi sebagai ilmu yang tidak bermanfaat*

- 2) Semasa Rasul SAW melihat Saidina Umar membaca lembaran dari kitab taurat, baginda murka dan berkata:

*“ Jangan Tanya sesuatu dari ahli kitab, sesungguhnya mereka tidak memberi hidayah kepadamu kerana mereka telah sesat, dengan mengambil riwayat dari mereka, anda mungkin mendustakan suatu yang benar atau anda membenarkan sesuatu yang batil. Demi Allah sekiranya Musa bersama kamu maka pasti Musa akan mengikutku.*

- 3) Imam al-Bukhari meriwayatkan bahawa Ibn Abbas berkata:

*“ Wahai orang-orang Islam! Bagaimana kamu bertanya kepada ahli kitab sedangkan kitab kamu yang diturunkan Allah ke atas nabinya, berita yang terkandung di dalamnya merupakan yang terkini, kamu membacanya dan kamu tidak akan . Dan Allah telah memberitahu kamu bahawa ahli kitab mengubah ayat Allah dengan tangan mereka. Mereka mendakwanya dating dari sisi Allah semata-mata untuk mendapat habuan yang sedikit, apakah pengetahuan ini tidak akan menghalang kamu dari bertanya kepada mereka. Tidak demi Allah kita tidak melihatpun seorang dari mereka bertanya kepada kamu tentang kitab yang diturunkan kepada kamu.’*

4) Ibn Kathir menyebut dalam kitabnya *al-Bidayah wa al-Nihayah* bahawa Saidina Umar memberi amaran kepada Kaab bin al-Ahbar menghentikan kisah-kisah ahli kitab dengan katanya:

لَشْرُكُنَ الْحَدِيثُ الْأَوَّلُ أَوْ لِالْحَقَّ أَوْ لِأَرْضِ الْقِرْدَةِ

“Samaada kamu tinggalkan perbicaraan dahulu atau aku hantarkan kamu ke bumi kera”.

5) Diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidhi mengulas berita yang disampaikan oleh Kaab bahawa Allah telah membahagikan kalamnya dan melihat Allah antara nabi Musa dan Muhammad alihima sallam. Aisyah r.anha berkata:

“ Telah berdiri bulu rambutku.”

Daripada dalil-dalil yang dikemukakan jelas menunjukkan kepada kita bahawa para sahabat ketika mentafsirkan al-Quran mereka kembali kepada sumber-sumber yang telah disebutkan bukannya kepada ahli kitab. Sumber mereka adalah tulen walaupun riwayat yang sampai kepada kita sangat terhad.

#### **4. TAFSIR PADA ZAMAN TABIIN**

Tabiin merupakan generasi kedua dalam sejarah pentafsiran al-Quran kerana mereka golongan yang bertemu secara langsung dengan para sahabat. Pada peringkat ini ulasan terhadap sesuatu ayat mula ditulis dan dibukukan. Pada zaman ini perbezaan banyak dijumpai berbanding zaman sahabat. Pada terdapat tiga kumpulan besar pengajian tafsir.

##### **(a) Madrasah Ibnu Abbas di Mekah**

Antara ulama tafsir di kalangan tabiin yang terkenal ialah Said bin Jubir(m94H), Mujahid bin Jabr (m103H), Ikrimah al-Barbary(m105H), Tawus bin Kaysan(m106H) dan Ata bin Abi Rabah(m114H). Mujahid adalah antara para Tabiin yang menerima seluruh tafsir daripada sahabat, sebagaimana yang dikatakan oleh Mujahid. “Aku baca seluruh Isi al-Quran kepada Ibn Abbas, aku berhenti pada setiap ayat dan menanyakan makna kepada beliau.”(Usul al-Tafsir: 13)

##### **(b) Madrasah Abdullah bin Masud di Kufah.**

Antara pengikut Ibn Masud yang terkenal ialah al-Qamah bin Qays (m102H), Masruq (m63H), al-Aswad bin Yazid (m75H), Marrah al-Hamdani (m76H), Amir al-Sya’bi (m109H), Hassan al-Basri (m110H) dan Qatadah (m117H).

##### **(c) Madrasah Ubay bin Kaab di Madinah**

Pengikut kelompok ini yang paling terkenal ialah Abu al-Aliyah (m90H), Muhammad bin Kaab al-Quraziyy (m118H) dan Zaid bin Aslam (m136H)

Daripada ketiga-tiga madrasah ini, mereka yang paling arif tentang tafsir ialah pengikut madrasah Mekah seperti yang disebut oleh Ibnu Taymiyyah:

“ Manakala dalam bidang Tafsir, mereka yang paling arif ialah penduduk Mekah kerana mereka adalah pengikut Ibnu Abbas seperti Mujahid, Ata’ bin Abi Rabah, Ikrimah ...

Pada zaman tabiin usaha-usaha menulis, menghimpun dan mengumpulkan pentafsiran para sahabat terhadap ayat-ayat al-Quran bermula (al-Buti: 74)

Ibn Jarir al-Tabari menyebut bahawa Ibn Abi Malikat pernah berkata:

“ Aku melihat Mujahid bertanya Ibnu Abbas tentang tafsir al-Quran dan dia bawa bersama-sama papan tulis. Kata Ibnu Abbas kepadanya: “Tuliskan... sehingga dia bertanya Ibnu Abbas tentang tafsiran ayat semua sekali.

Riwayat ini menunjukkan bahawa penulisan dan pembukuan tafsir telah mula berlaku. Namun kita tidak dapat memastikan siapakah orang yang pertama membukukan tafsir.

#### **4.1 Nilai Tafsir Zaman Tabiin**

Seperti yang dibincangkan sebelum ini, tafsir pada zaman sahabat adalah bergantung kepada al-Quran, al-Hadith dan ijтиhad sahabat dalam keadaan tertentu dibantu penguasaan bahasa Arab pada tahap yang tinggi, pengetahuan tentang sebab turun ayat di samping ilmu yang dikurniakan Allah kepada mereka. Tafsir pada zaman tabiin juga masih mengikuti metodologi pentafsiran para sahabat, cuma perselisihan pada zaman tabiin adalah lebih luas.

Antara perkembangan yang berlaku pada zaman tabiin:

- (a) Riwayat ahli kitab menjadi salah satu sumber tafsir mereka.
- (b) Kemunculan mazhab pada zaman tabiin memberi impak kepada tafsir
- (c) Asas kepada tafsir bi al-Ray (dengan akal pemikiran) seperti yang dilihat dalam tafsiran Mujahid

#### **4.2 Faktor Kelemahan Tafsir Pada Zaman Selepas Tabiin**

Kemasukan riwayat Israilliyyat dalam Tafsir.

Israilliyyat bermaksud berita-berita umat terdahulu atau akan datang yang diriwayatkan dari sumber ahli kitab sama ada Yahudi atau Kristian.

Contoh riwayat Israilliyyat dalam tafsir:

- i. Nama Ashab al-kahf dan warna anjing mereka
- ii. Kayu tongkat nabi Musa dibuat dari apa?
- iii. Nama-nama burung yang dihidupkan Allah bagi nabi Ibrahim
- iv. Penentuan anggota badan lembu yang dijadikan pemukul untuk memukul orang-orang yang terbunuh.

Riwayat Israilliyyat menjadi satu dari ciri tafsir pada zaman tabiin. Ini disebabkan oleh faktor ramai dari kalangan ahli kitab yang memeluk Islam menyebabkan banyak riwayat-riwayat yang bertentangan meresap dalam tafsir. Kemasukan riwayat tersebut juga berpunca dari pengguguran sanad dalam tafsir Muqatil bin Sulayman dalam tafsirnya. Beliau telah menggugurkan sanad dan memasukkan riwayat ahli kitab. Tiga tokoh tabiin yang banyak memasukkan riwayat Israilliyyat ialah: (Ibnu Taymiyyah: Usul al-Tafsir hal.28).

**(a) Kaab bin al-Ahbar**

Beliau ialah Abu Ishak, Kaab bin Mati' al-Himyari. Asalnya seorang Yahudi daripada Yaman dan memeluk Islam pada zaman pemerintahan Saidina Umar bin al-Khattab ranhu. Kemudian berhijrah ke Syam dan meninggal dunia di Hims tahun 32Hijrah.

**(b) Wahab bin Munabbih**

Beliau seorang yang thiqah dan saduq, sangat banyak meriwayatkan daripada riwayat Israilliyyat

**c) Muhammad bin Ishak**

Beliau ialah Muhammad bin Ishak Yasir diperselisihan dari segi thiqahnya tetapi kebanyakan mengatakan beliau adalah thiqah dan merupakan pandangan yang kuat.

Walaupun ketiga-tiga tokoh ini thiqah, apabila mereka meriwayatkan riwaya Israilliyyat maka kita akan meriwayatkannya

**4.3 Hukum riwayat Israilliyyat**

**4.3.1 Pandangan pertama: Dilarang meriwayatkannya secara mutlak.**

Golongan ini bersandarkan kepada dalil daripada al-Quran dan hadith. Pandangan ini merupakan pandangan ahli tafsir semasa seperti Dr.Solah al-Khalidi, Sheikh Ahmad Syakir dan Syaikh Muhammad Husayn al-Dhahabi. Dr. Solah al-Khalidi telah menyebut lebih dari 17 dalil dari al-Quran, hadith dan kata-kata sahabat yang menyokong larangan riwayat Israilliyyat.

Syaikh Ahmad Syakir pula menyebut:

*" Keharusan meriwayatkan dari ahli kitab pada perkara-perkara yang kita tidak mempunyai dalil tentang kebenaran atau kepalsuannya satu perkara, manakala periyawatannya dalam tafsir dan menjadikannya sebagai satu pandangan atau makna kepada ayat atau menentukan sesuatu yang tidak dijelaskan dalam al-Quran satu perkara yang lain. Meletakkan riwayat tersebut di samping kalam Allah, sedangkan riwayat-riwayat Israilliyyat tidak layak untuk menjelaskan maksud kalamullah, menghuraikan sesuatu yang umum di dalam al-Quran. Takutlah kepada Allah dari menulisnya di samping ayat Allah. Walaupun rasul saw memberi keizinan kepada kita menyebut riwayat mereka tanpa membentarkan dan mendustakannya, Maka apakah layak untuk kita meletakkannya standing dengan kitab Allah sebagai penjelasan atau tafsiran?*

Dr. Muhammad Husyan al-Dhahabi ketika mengulas pandangan syaikh Ahmad Syakir menyebut:

*“ Saya cenderung kepada pandangan ini bagi memelihara kitab Allah dari perkara-perkara yang tidak berfaedah ”.*

1. *Pandangan kedua: Golongan yang mengharuskan meriwayatkan Israilliyyat tanpa syarat*
2. *Pandangan ketiga: Golongan yang meletakkan syarat untuk meriwayatkan Israilliyyat*

#### **4.3.2 Hujah Golongan Pertama:**

Dalil dari al-Quran sangat banyak antaranya:

- a) Orang Yahudi mengubah-ngubah ayat Allah menyebabkan mereka tidak amanah dari segi sejarah.

Firman Allah:

*“ Dan (juga) di antara orang-orang Yahudi. (orang-orang Yahudi itu) amat suka mendengar (berita-berita) bohong <sup>2</sup> dan amat suka mendengar perkataan-perkataan orang lain yang belum pernah datang kepadamu <sup>3</sup>[416]; mereka merobah <sup>4</sup>perkataan-perkataan (Taurat) dari tempat-tempatnya. Mereka mengatakan: “Jika diberikan Ini (yang sudah di robah-robah oleh mereka) kepada kamu ... Surah al-Maidah: 41.*

- b) Larangan al-Quran bertanya kepada ahli kitab tentang berita umat terdahulu.

Firman Allah bermaksud:

*“ Keranana itu janganlah kamu (Muhammad) bertengkar tentang hal mereka, kecuali pertengkaran lahir saja dan jangan kamu menanyakan tentang mereka (pemuda-pemuda itu) kepada seorangpun di antara mereka ”. Surah al-Kahf ayat 22.*

- c) Larangan al-Quran berkata sesuatu tanpa ada asas dan ilmu dan Israilliyyat antara kata-kata tanpa ilmu.

Firman Allah:

*“ Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati, semuanya itu akan diminta pertanggungan jawabnya ”. Surah al-Isra’ ayat 36.*

---

<sup>2</sup> maksudnya ialah: orang Yahudi amat suka mendengar perkataan-perkataan pendeta mereka yang bohong, atau amat suka mendengar perkataan-perkataan nabi Muhammad s.a.w untuk disampaikan kepada pendeta-pendeta dan kawan-kawan mereka dengan cara yang tidak jujur.

<sup>3</sup> Maksudnya: mereka amat suka mendengar perkataan-perkataan pemimpin-pemimpin mereka yang bohong yang belum pernah bertemu dengan nabi Muhammad s.a.w. Kerana sangat benci kepada beliau, atau amat suka mendengarkan perkataan-perkataan nabi Muhammad s.a.w. untuk disampaikan secara tidak jujur kepada kawan-kawannya tersebut.

<sup>4</sup> Maksudnya: merobah erti kata-kata, tempat atau menambah dan mengurangi.

Manakala hadith yang melarang antaranya:

(a) Diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dari Abu Hurairah berkata:

Adalah ahli kitab membaca kitab taurat dalam bahasa Ibri dan menghuraikannya dalam bahasa Arab kepada orang Islam. Sehubungan dengan ini rasul saw bersabda:

*“Jangan kamu benarkan ahli kitab dan jangan kamu dustakan, dan katakanlah kami beriman kepada Allah dan kami beriman kepada apa yang diturunkan kepada kami.*

(b) Hadith rasulullah SAW yang melarang Saidina Umar membaca kitab Taurat.

Hujah golongan yang mengharuskan:

Antara hujah yang menjadi sandaran golongan ini ialah hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dari Abdullah bin Amru bin al-As R.Anhuma berkata:

*Sampaikan dariku walaupun satu ayat, bawalah riwayat dari Bani Israil dan janganlah kamu berasa bersalah. Sesiapa yang sengaja berdusta ke atasku maka dia menempah tempat di neraka.*

Berdasarkan hadith ini, mereka melihat harus bagi orang Islam menyebut riwayat daripada Bani Israel dan perbuatan tersebut bukanlah satu kesalahan. Ringkasnya pendapat ini tertolak dengan melihat rumusan yang dibuat oleh Dr Solah al-Khalidi setelah menyebut pandangan-pandangan berkaitan hadith ini dengan merumuskan maksud sebenar hadith ini ialah sampaikan kepada orang Islam tentang peristiwa-peristiwa yang berlaku kepada Bani Israel, dan jelaskan kepada mereka tentang penyelewengan yang dilakukan oleh Bani Israel kerana sejarah mereka yang penuh dengan kehinaan kecuali nabi-nabi dan orang-orang soleh di kalangan mereka. Pendedahan tentang kesalahan yang dilakukan oleh Bani Israel tidaklah menjadi satu kesalahan dengan syarat membersihkan para nabi dan orang yang soleh di kalangan mereka dari melakukan penyelewengan dan kesilapan.

Kesimpulan berhubung riwayat Israiliyat, keharusan meriwayatkan dari Bani Israel tidak bermakna memberi keharusan kepada kita untuk menjadikannya sebagai riwayat ketika mentafsirkan al-Quran.

#### **4.4 Jenis-jenis Israilliyyat**

(a) Apa yang diketahui kesahihan berdasarkan ilmu yang ada pada kita.

Contoh: Diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dari Abu Said al-Khudri r.anhu berkata:

*“Bumi pada hari Qiamat akan ditelengkup oleh Allah yang maha perkasa dengan kekuasaan-Nya sehingga menjadi seperti roti sebagaimana kamu menguli roti kamu ketika kamu bermusafir. Demikianlah Allah menyediakan tempat untuk ahli syurga. Lantas Nabi SAW didatangi oleh seorang lelaki Yahudi lalu berkata: Allah memberkatimu wahai Aba al-Qasim. Bolehkah aku beritahu kepadamu bahawa bumi akan dilipatkan menjadi seperti sekeping roti- seperti yang diperkatakan oleh Nabi SAW. Kemudian Nabi SAW memandang kepada kami kemudian ketawa sehingga nampak gigi taringnya”.*

(b) *Apa yang dikatahui bercanggah dengan syariat Islam*

Contoh: Riwayat dalam Safar Keluar tuduhan orang Yahudi bahawa nabi Harun yang membuat patung dari lembu dan memerintahkan kepada Bani Israel untuk menyembah patung lembu tersebut dan riwayat dalam Safar kejadian bahawa Allah menciptakan langit dan bumi selama enam hari dan Allah berehat pada hari ke-7 iaitu hari Sabtu kerana letih. Kedua-dua riwayat ini jelas bertentangan dengan Islam.

(c) *Apa yang tidak dibincangkan dalam syariat Islam dan ianya tidak ada dalil yang menyokong atau menyanggahnya.*

Seperti riwayat Israilliyyat berhubung perincian kisah lembu bani Israel dalam surah al-Baqarah seperti siapakah lelaki yang membunuh dan bahagian daging lembu yang digunakan oleh nabi Musa ketika memukul si mati, warna anjing yang dimiliki oleh Ashab al-Kahf, ukuran bahtera yang dinaiki oleh Nabi Nuh dan dari kayu apa ianya dibuat? Jawapan kepada persoalan-soalan ini tidak ada penghujungnya kerana kita tidak mempunyai apa-apa dalil untuk menyokong atau menolaknya.

Menurut Ibnu Taymiyyah kebanyakan Israilliyyat dalam bentuk yang ketiga tidak ada manfaat yang dapat diambil mengenai perkara-perkara agama. Riwayat-riwayat ini menurut Dr. Adnan Zarzur ketika mengulas kitab *Muqaddimah fi usul al-Tafsir* sebagai mengotori halaman-halaman kebanyakan kitab tafsir.

(d) *Pengguguran sanad*

Pada peringkat awal pembukuan dan penulisan tafsir, tokoh-tokoh seperti Sufyan bin Uyaynah dan Waki' bin al-Jarah menyebut sanad, kemudian golongan yang datang selepas mereka mula menggugurkan sanad dan tidak menyandarkan tafsiran kepada periwayatnya. Mereka juga tidak begitu peduli tentang riwayat yang sohib atau sebaliknya menyebabkan berlakunya percampuran antara riwayat yang sohib dan tidak sahih dalam kitab tafsir.

(e) *Pemalsuan dalam riwayat tafsir*

Pada zaman selepas tabiin, kemunculan aliran pemikiran akidah yang menyeleweng telah mengakibatkan terciptanya hadith-hadith palsu dan pembohongan dalam periwayatan tafsir. Mazhab-mazhab tersebut telah mentafsirkan ayat dengan memberikan takwilan yang menyeleweng dan menisbahkan pandangan tersebut kepada tokoh-tokoh seperti Ibnu Abbas sehingga Imam al-Shafie menyebut: Tidak ada riwayat yang *thabit* dari Ibnu Abbas dalam tafsir kecuali lebih kurang seratus hadith.

## 5. KESIMPULAN

Tafsir al-Quran telah berkembangan seiring dengan perkembangan zaman. Para sahabat ketika mentafsirkan al-Quran mereka kembali kepada sumber-sumber al-Quran, al-Hadith dan ijтиhad sahabat dalam keadaan tertentu dibantu penguasaan bahasa Arab pada tahap yang tinggi, pengetahuan tentang sebab turun ayat di samping ilmu yang dikurniakan Allah kepada mereka. Tafsir pada zaman tabiin juga masih mengikut metodologi pentafsiran para sahabat, namun perselisihan pada zaman tabiin adalah lebih luas akibat pengguguran sanad dan pemalsuan dalam riwayat tafsir.

## RUJUKAN

*Al-Quran al-Karim*

- Abbas, F. H. (1999). *I'jaz al-Quran al-Karim*. Amman: Dar al-Furqan.
- ‘Ashur, Muhammad al-Tahir. (1984). *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*. Tunis: al-Dar al-Tunisiyah.
- Abdul Malik bin Haji Abdul Karim Amrullah. (1985). *Tafsir al-Azhar*. Juz 1-15, Jakarta: Yayasan NurulIslam.
- Al-Alusi, al-Sayyid Mahmud.t.th. *Ruh al-ma’ani fi tafsir al-Quran al-‘Azim wa al-Sab’ al-Mathani*. Bayrut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Al-Baqillani, Abu Bakr Muhammad b. al-Tayyib. (1972). *I’jaz al-Quran*. Sunt. Saqar, al-Sayyid Ahmad. Al-Qahirah: Dar al-Ma’arif.
- Al-Bayati, Munir Hamid. (1996). *Tafsir Ayat al-Ahkam*. Sana’a: Dar al-Sharkani lil Taba’at wa al-Nashr.
- al-Dhahabi, Muhammad Husayn, Dr. *al-Tafsir wa al-Mufassirun*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi.
- Al-Hazri, Ahmad Muhammad. (1991). *Tafsir Ayat al-Ahkam: Ibadat, Muamalat, A’qubat wa Ahwal Shakhsiyah*. Bayrut: Dar Jiil.
- Al-Hilali, Hadi ‘Atiyyah. (1986). *Al-Huruf al-‘Amilah fi al-Qura al-Karim bayn al-Nahwiyyah wa al-Balaghiyyah*. Bayrut: ‘Alam al-Kutub.
- Al-Qurtubi, Muhammad b. Ahmad. (1988). *Al-Jami’ li ahkam al-Quran*. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Tabarani, Sulaiman bin Ahmad bin Ayyub. 1404H/1983M. *al-Mujam al-Kabir*. Ed. Ke-2. Tahqiq. Hamdi bin Abd al-Majid al-Salafi. t.tp: Maktabah al-Ulum wa al-Hikam.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad bin Abd al-Halim. 1415H/1995M. *Muqaddimah fi Usul al-Tafsir*.
- Dlm, al-Uthaymin, Muhammad bin Salih. *Sharh Muqaddimah al-Tafsir*. Riyad: Dar al-Watan.